

# Kaum Ibu yang Masyhur

Di dalam sejarah Islam, banyak kedapatan perempuan-perempuan yang masyhur, ada kalanya disebabkan mereka meriwayatkan hadis daripada Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alayhi wasallam*, atau kerana menjadi ahli syair, atau kerana jasanya, ataupun kerana mempunyai suatu kisah yang menjadi catitan tawarikh. Di bawah ini kami turunkan catitan ringkas mengenai tiga puteri Islam yang kenamaan dan senama pula, iaitu Umāmah binti Abī al-‘Āṣ bin al-Rabī‘, Umāmah bin Ḥamzah bin ‘Abd al-Muṭālib, dan Umāmah al-Murīdiyyah- Pengarang QALAM.

## Umāmah binti Abī al-‘Āṣ bin al-Rabī‘

Umāmah zahir pada zaman Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alayhi wasallam* di Makkah *al-Mukarramah*. Ayahnya ialah Abū al-‘Āṣ bin al-Rabī‘ dan ibunya pula ialah Zaynab binti Muḥammad Rasūl Allāh (S.A.W). Umāmah sangat-sangat dikasihi oleh baginda.

Sīti ‘Ā’ishah meriwayatkan, bahawa pada suatu hari Rasulullah (S.A.W) telah menerima hadiah dan di antara hadiah itu terdapat seutas kalung. Baginda pun bersabda bahawa kalung itu akan diberikan kepada sekasih-kasih orang kepadanya daripada kaum keluarganya. Baginda pun memanggil Umāmah lalu dikalungkannya kalung itu ke lehernya.

Apabila Umāmah telah besar, iapun diperisterikan oleh Sayyidinā ‘Alī sesudah wafat isterinya Sīti Fāṭimah. Sīti Fāṭimah sendiri telah berwasiat supaya Sayyidinā ‘Alī beristerikan Umāmah.

Setelah Sayyidinā ‘Alī wafat, maka Umāmah pun diperisterikan pula oleh al-Mughīrah bin Nawfal bin al-Ḥārith

bin ‘Abd al-Muṭālib. Hasil perkahwinannya dengan al-Mughīrah itu, ia telah beroleh seorang anak lelaki bernama Yahya. Umāmah telah wafat dalam tangan al-Mughīrah.

## Umāmah binti Ḥamzah bin ‘Abd al-Muṭālib

Umāmah yang kedua ini pula, telah zahir juga di Makkah *al-Mukarramah*. Ayahnya ialah Ḥamzah bin ‘Abd al-Muṭālib pahlawan Islam yang kebilangannya, dan ibunya ialah Salmā binti ‘Umays. Tatkala Umāmah meninggalkan Makkah dan hendak pergi ke Madīnah, ia telah dibawa oleh Sayyidinā ‘Alī bin Abī Ṭālib ke Madīnah. Tiba-tiba Ja‘far (adinda Sayyidinā ‘Alī) meminta supaya Umāmah tinggal di rumahnya, kerana Asmā’ binti ‘Umays, ibu saudara Umāmah (dari sebelah ibu), tinggal juga di rumahnya. Zayd bin Ḥārithah pula telah meminta supaya Umāmah tinggal di rumahnya, kerana Rasulullah (S.A.W) telah mempersaudarakan keduanya. Sayyidinā ‘Alī sendiri juga telah menahan Umāmah supaya tinggal di rumahnya kerana dialah yang membawanya ke Madīnah.

Apabila perkara itu dibawa ke hadapan Rasulullah *ṣallā Allāh ‘alayhi wasallam*, maka baginda pun memutuskan

supaya Umāmah tinggal di rumah Ja'far kerana di situ ada ibu saudaranya yang akan menjaganya. Akhirnya Umāmah telah dikahwinkan oleh Rasulullah (S.A.W) dengan Ibn Ummu Salmah.

Menurut catitan tawarikh, Umāmah juga ada meriwayatkan hadis-hadis Rasulullah dan banyak pula ahli-ahli hadis yang masyhur telah meriwayatkan hadis-hadis itu daripadanya.

### Umāmah al-Muridiyyah

Umāmah yang ketiga ini pula, ialah Umāmah al-Muridiyyah, seorang penyair perempuan yang masyhur. Ia juga seorang sahabat Nabi yang telah meriwayatkan hadis-hadis

Rasulullah dan banyak pula ahli-ahli hadis yang terkemuka telah meriwayatkan hadis-hadis itu daripadanya.

Dalam sebuah syairnya, Umāmah al-Muridiyyah ini, telah menggambarkan suatu peristiwa mengenai seorang munafik pada zaman Rasulullah (S.A.W). Orang munafik itu bernama Abā 'Atīk, yang telah dibunuh oleh Sālim ibn 'Umayr dengan perintah Rasulullah *ṣallā Allāh 'alayhi wasallam* kerana tingkah lakunya yang membahayakan umat Islam dan perkembangan Islam.

Demikian menurut kitab "*Durr al-Manthūr fī Ṭabaqāt Ribāt al-Khudūr*".

DI-SEBUT DI-DALAM SIARAN PEJABAT PELAJARAN SELANGOR  No. 16/58 <i>(Bahagian Melayu)</i>  Sepuluh buku2 penerbitan Qalam ada-lah di-sebut di-dalam Siaran Pejabat Pelajaran Selangor sa-bagai buku2 yang telah di-semak.  <i>Saya berpendapat buku2 ini ada-lah sangat sesuai di-jadikan buku2 tambah bacaan dan buku2 Kutub Khanah di-Sekolah2 Umum Selangor.....</i> ”, kata Ketua Pegawai Pelajaran Selangor.	Buku2 Rumi Qalam BUKU2 CHERITA SEJARAH
	1. Cherita2 Sejarah I ... .. \$1.00
	2. Cherita2 Sejarah II ... .. 1.00
	3. Bangkai Bernyawa ... .. 1.00
	4. Sisa Neraka Dunia ... .. 1.20
	5. Balek dari Medan Perjuangan ... .. 1.00
	6. Keris Sempena Riau ... .. 1.00
	BUKU2 SASTRA dan KEBUDAYAAN
	7. Teras Kebudayaan Nasional ... .. 1.50
	8. Kesan Kesusasteraan Tua Di Tanah Ayer ... .. 2.00
	9. Tinjauan Sastera Tanah Ayer ... .. 1.50
	BUKU2 PENGETAHUAN dan CHERITA
	10. Surat Menyurat ... .. 2.00
	11. Pendidekan ... .. 1.20
	12. Akhlak ... .. 1.20
	13. Sejarah Perak Dahulu Dan Sekarang ... .. 2.00
	14. Jalan Ka-Kota Bharu ... .. 1.50
	15. Penglipor ... .. 1.50
	BUKU2 SEKOLAH
	16. Tunas Baru Buku A.B.C. ( <i>tiga warna</i> ) ... .. 1.50
	17. Tunas Baru ( <i>buku pertama</i> ) ... .. 1.00
	18. * “ “ ( <i>buku kedua</i> )
	19. * Senang Bacha I ( <i>untuk pelajar bukan Melayu</i> )
	20. * “ “ II
	*Buku-buku ini siap awal bulan December 1958
BUKU2 ITU IA-LAH:	
1. Surat Menyurat ( <i>rumi</i> ) ... .. \$2.00	
2. Balek dari Medan Perjuangan ... .. 1.00	
3. Sisa Neraka Dunia ... .. 1.20	
4. Sejarah Perak Dahulu Dan Sekarang ... .. \$2.00	
5. Tinjauan Sastera ... .. 1.50	
6. Keris Sempena Riau ... .. 1.00	
7. Tunas Baru Buku A.B.C. ... .. 1.50	
8. Panduan Membacha dan Menulis Jawi ... .. 1.50	
9. Bacha I ( <i>jawi</i> ) ... .. 1.00	
10. Surat Menyurat ( <i>jawi</i> ) ... .. 1.80	